SYARIKAT YEAN TAT (M) SDN. BHD.

lwn.

AHLI BINA PAMONG SARI SDN. BHD.

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, SHAH ALAM
TUAN ABDUL WAHAB BIN PATAIL PK
[SAMAN PEMULA NO. 24-142-94]
28 FEBRUARY 1995

AKTA TIMBANGTARA: *Award timbangtara - Persetujuan bahawa keputusan timbangtara adalah muktamad - Defendan gagal mematuhi award - Plaintif memohon kebenaran untuk melaksanakan award seperti satu penghakiman - Terdapat isu mengenai kesahihan award - Samada isu tersebut boleh dibangkitkan di peringkat permohonan.*

[English *Translation of Catchwords]*

ARBITRATION ACT: *Arbitration award - Agreement that arbitrator's decision final - Failure of defendant to comply with award - Plaintiff applying for leave to enter judgment in terms of the award - Issue as to the validity of the award - Whether the issue can be raised at the stage of the application.*

Satu keputusan timbangtara telah dikeluarkan oleh Encik Oh Kong Yew, penimbangtara yang dilantik untuk mendengar pertikaian yang timbul di antara plaintif dan defendan. Justeru keputusan itu, peguamcara plaintif menuntut pembayaran melalui surat bertarikh 15 Februari 1994. Disebabkan defendan gagal mematuhi award dan juga gagal membuat apa-apa pembayaran, plaintif kemudiannya memohon kepada Mahkamah perintah kebenaran melaksanakan award di dalam timbangtara seperti satu penghakiman. Defendan membantah atas alasan bahawa terdapat beberapa kesalahan di dalam award tersebut.

Diputuskan:

Walaupun terdapat persetujuan di dalam perjanjian bahawa keputusan timbangtara adalah muktamad dan mengikut kedua-dua belah pihak, kesahihan keputusan timbangtara masih boleh dipersoalkan di peringkat permohonan untuk kebenaran melaksanakan award tersebut.

[Permohonan ditolak dengan kos; kes dikembalikan kepada penimbangtara untuk menimbang semula keputusan].

Kes-kes yang dirujuk:
PAM Shipping Limited v. MPC Holding Sdn. Bhd. [1984] 2 CLJ 248 ***(dirujuk)***
Mohammed Abdullah TPE Abdul Majeed v. Habib Mohamed [1986] MLJ 526 ***(dirujuk)***
Societe France-Tunisienne D'Armement-Tunis v. Government of Ceylon [1959] 1 WLR 787 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Akta Timbangtara 1952, ss. 27, 34

PENGHAKIMAN

Abdul Wahab bin Patail PK:

Plaintif, Syarikat Yean Tat (M) Sdn. Bhd. dan defendan, Ahli Bina Pamong Sari Sdn. Bhd. melalui satu perjanjian bertulis 29 Jun 1992 telah bersetuju untuk mengemukakan perkara-perkara tertentu yang dipertikaikan mengenai pembinaan dan penyelesaian kerja-kerja infrastruktur di Seksyen 8 (Fasa 3) Shah Alam kepada timbangtara yang akan dinamakan.

Pada 2 Mac 1993 Encik Oh Kong Yew, dari the Regional Centre of Arbitration, Kuala Lumpur dilantik sebagai penimbangtara untuk mendengar pertikaian yang telah timbul.

Keputusan penimbangtara telah dikeluarkan pada 20 Januari 1994, dan peguamcara plaintif telah menuntut pembayaran melalui surat 15 Februari 1994. Walaupun begitu defendan telah gagal mematuhi award tersebut dan gagal membuat apa-apa pembayaran.

Maka plaintif memohon perintah untuk kebenaran untuk melaksanakan award dalam timbangtara bertarikh 20 Januari 1994 seperti satu penghakiman.

Defendan membantah atas alasan adanya beberapa kesalahan dalam award tersebut, dan juga merujuk kepada s. 34 Arbitration Act 1952 dengan hujah timbangtara oleh Regional Centre for Arbitration tidak mempunyai prosidur untuk dikuatkuasakan.

Setelah mengkaji saman, affidavit-affidavit dan hujah, Mahkamah berpendapat bahawa rujukan kepada s. 34 Arbitration Act 1952 adalah pada asasnya salah kerana timbangtara ini bukanlah satu timbangtara international, tetapi adalah satu timbangtara di antara dua pihak lokal. Walaupun mengikut perjanjian mereka bersetuju menggunakan Regional Centre for Arbitration, ini tidak memindahkan bentuk timbangtara menjadi satu timbangtara international, tetapi tetap menjadi satu timbangtara mengikut perjanjian oleh pihak-pihak lokal.

Permohonan "untuk kebenaran untuk melaksanakan award dalam timbangtara ..." ini merupakan satu permohonan di bawah s. 27 Arbitration Act 1952:

> An award on an arbitration agreement may, by leave of the High Court, be enforced in the same manner as a judgment or order to the same effect, and, where leave is so given, judgment may be entered in terms of the award.

Selain daripada s. 27 Arbitration Act, kes *PAM Shipping Limited v. MPC Holding Sdn. Bhd.* [1984] 2 CLJ 248 telah membincangkan di mana satu award timbangtara muktamad telah diberi di bawah Akta Timbangtara di USA, dan memutuskan:

> The plaintiffs had not been attempting to enforce the award as a foreign judgment or at all, but had sought a judgment against the defendants in our Courts, the cause of action being what was held out to be the final award of the American arbitrator. By common law and equity the aid of the Court can be sought in this manner. (*Brewer Deltransport Gubh v. Drewing* [1933] 1 KB 753)

Dalam kes ini juga persetujuan dalam perjanjian bahawa keputusan timbangtara adalah muktamad dan mengikut kedua-dua pihak. Walau bagaimanapun, mengikut *Mohammed Abdullah TPE Abdul Majeed v. Habib Mohamed* [1986] MLJ 526.

> (1) the validity of an award of an arbitrator can still be questioned at the stage of an application to enforce the award.
>
> (2) the point of illegality affecting the validity of an award is a recognised ground for contesting the application for leave to enforce such an award. Even if it were not pleaded before the arbitrator or the High Court it would be the duty of the Court to take a point of illegality....

Kes itu mengikut *Societe France-Tunisienne D'Armement-Tunis v. Government of Ceylon* [1959] 1 WLR 787. Harus diperingati bahawa isu yang diterima adalah "illegality" i.e. ada unsur-unsur melanggar undang-undang ataupun timbangtara melebihi bidangkuasanya.

Oleh yang demikian maka permohonan ini ditolak, dan kes ini harus dikembalikan kepada penimbangtara berkenaan untuk menimbang semula keputusannya, khasnya award II dan IV.

Permohonan ditolak dengan kos.